

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## Kenyataan media Press Release



21 Julai 2023  
UNIMAS Corporate  
Chancellery Division  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 51216  
Fax +60 82 665088  
(azadnurlisa@unimas.my)

### **WARGA UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) RAIKAN SAMBUTAN 60 TAHUN SARAWAK MERDEKA .**

Kota Samarahan, 21 Julai 2023 – Sambutan 60 Tahun Sarawak Merdeka peringkat UNIMAS hari ini berlangsung dengan meriah, dengan semangat dan warna-warni apabila warga kampus yang datang mengenakan baju kebangsaan dan etnik. Majlis ini telah dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie, YBhg Profesor Datuk Dr Mohd Kadim Suaidi; Naib Canselor UNIMAS, serta pegawai-pegawai pengurusan UNIMAS.

Majlis yang cukup meriah ini berlangsung di Amphitheater Tasik UNIMAS, disaksikan dengan lebih kurang 300 orang kehadiran warga kampus; staf dan pelajar. Simbolik majlis ini menyaksikan rombongan pengurusan universiti berada di tengah-tengah kawasan Amphiteater Tasik UNIMAS diiringi oleh para atlit kayak UNIMAS.

Menurut Naib Canselor UNIMAS, YBhg Profesor Datuk Dr Mohd Kadim Suaidi, UNIMAS turut tidak ketinggalan dan mengambil peluang bersama-sama warga universiti untuk menyemarakkan sambutan Sarawak 60 Tahun Merdeka. Beliau mengatakan bahawa UNIMAS sangat komited dan sentiasa terbuka untuk membantu kerajaan negeri dalam memacu jentera ekonomi di negeri Sarawak khususnya dan Malaysia secara amnya. UNIMAS sentiasa mendukung dengan membantu menggerakkan pelbagai agenda dalam kerajaan negeri seperti yang dinyatakan di dalam Sarawak Post Covid-19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030) di dalam bidang pendigitalan, *food security*, perubahan iklim dan banyak lagi sama ada yang sedang atau bakal dilaksanakan bersama kerajaan negeri.

Beliau juga menyeru seluruh warga kampus mengambil peranan dan cakna terhadap tanggungjawab masing-masing untuk mengekalkan keharmonian di antara kaum, saling hormat-menghormati demi kelangsungan kesejahteraan negeri dan negara. Selain itu, Ybhg Naib Canselor UNIMAS juga turut menyempurnakan Flag Off Sarawak Merdeka Adventure Race 2023. Objektif pertandingan ini adalah untuk menyemai rasa cinta dan semangat patriotik dalam kalangan warga UNIMAS.

Kemeriah sambutan Sarawak 60 Tahun Merdeka di peringkat UNIMAS turut diserikan dengan formasi angka 60 tahun, menerusi kayuhan kayak yang dibentuk oleh para atlit kayak UNIMAS, sebagai tanda simbolik bumi Kenyalang telah mengecapi 60 tahun kemerdekaan. Sarawak Maju Makmur!

**Disediakan oleh;**  
**Dayang Nurlisa binti Abang Zainal Abidin**  
**UNIMAS Corporate.**

**U N I M A S**